



Ideologi politik halang cinta

Sanggup lupakan pegangan demi kasih

Soalan

SAYA penuntut di institusi pendidikan dan berkenalan dengan seorang lelaki.

Dia seorang yang sangat baik dan mempunyai ilmu agama yang sepatutnya.

Masalahnya, saya serba salah menerima cintanya kerana kami mempunyai latar belakang politik berbeza. Saya tidak berani berterus terang dengannya mengenai perkara ini.

Saya selalu tertanya-tanya, adakah pasangan boleh hidup bersama jika mempunyai latar belakang politik berbeza?

Saya sayangkan dia dan sanggup lupakan dunia politik walaupun keturunan saya ahli politik berjaya.

Namun, saya tidak tahu sama ada dia mahu atau tidak.

Gadis Keliru
Ipoh, Perak

Jawapan

TIDAK dapat dinafikan perbezaan ideologi dan politik boleh menjarakkan perhubungan, malah mengorbankan jiwa. Perasaan taksud kepada sesuatu ideologi politik membuatkan individu itu hanya melihat dari satu sudut pandangan kehidupan.

Bukan setakat itu, perasaan berlebih-lebihan dalam memperjuangkan ideologi politik boleh menyumbang kepada kebencian kepada cara kehidupan orang lain yang tidak sealiran dengan falsafah politiknya.

Lihat saja bagaimana ketidakupayaan bersifat rasional dan mengawal emosi dalam menterjemahkan ideologi

politik membawa kepada demonstrasi haram serta pertelingkahan yang hanya mengelirukan ramai orang.

Individu yang matang ialah seorang yang mempunyai anutan ideologi politik tersendiri dan pada waktu yang sama menghormati anutan ideologi politik orang lain.

Dr berharap keadaan yang sama berlaku kepada adik dan teman walaupun mempunyai latar belakang politik yang berbeza.

Ada pepatah yang mengatakan 'permulaan cinta membiarkan orang yang kamu cintai menjadi dirinya sendiri dan tidak merubahnya menjadi gambaran yang kamu inginkan. Jika tidak, kamu hanya mencintai pantulan diri sendiri yang kamu temukan di dalam dirinya.'

Adik beruntung kerana dipertemukan dengan lelaki yang baik dan mempunyai didikan serta pengetahuan agama. Antara kriteria seorang suami yang baik ialah mereka yang beragama dan berakhlak mulia.

Sifat ini semestinya dijadikan sifat asasi dalam memilih bakal suami sebelum dilihat hal lain.

Firman Allah dalam Surah An-Nur ayat 32 yang bermaksud: "Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki mahupun perempuan."

"Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dengan limpah kurniaan-Nya kerana Allah Maha Luas rahmat-Nya lagi Maha Mengetahui."

Jika dia sayangkan adik, anutan ideologi politik yang berbeza bukan penghalang hubungan kalian.

Pasangan boleh hidup bersama walaupun mempunyai latar belakang politik berbeza. Anutan politik adalah hak individu selagi mana ia tidak bercanggah dengan nilai hidup dan pegangan agama.

Lagipun, perkahwinan adalah permulaan kepada satu kehidupan rumah tangga di mana dua insan yang datang dari pelbagai perbezaan berusaha menyesuaikan dan mengharmonikan perbezaan itu. Ini termasuklah perbezaan dari segi politik.

Banyak elemen yang menyumbang kepada resipi kebahagiaan rumah tangga. Ia terletak kepada rasa cinta dan kasih sayang yang sentiasa membara, rasa kesyukuran dan ketakwaan, tanggungjawab, perasaan timbang rasa, kewangan yang mencukupi dan kesediaan untuk memaafkan antara lainnya.

Berterus teranglah kepada teman mengenai perkara ini. Jelaskan bahawa adik akan menghormati anutan ideologi politiknya dan pada waktu yang sama mempunyai ideologi politik sendiri.

Namun, jika adik dapat dia seorang yang berpegang kuat dengan anutan politiknya sehingga mengganggu kerukunan rumah tangga, jalan yang selamat bagi adik ialah untuk tidak membangkitkan isu yang boleh mencetuskan perdebatan politik.

Apapun, adik masih berpeluang mengamalkan ideologi politik adik sewaktu hari mengundi. Ini kerana undi adik adalah rahsia.



CINTA...menuntut pengorbanan kedua-dua pihak.